

**LAPORAN
PENCAPAIAN 2019**
KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN



KPKT NADI PEMBANGUNAN NEGARA





MENERAJU KEMAKMURAN KOMUNITI BANDAR DAN PERSEKITARAN MAMPAN

VISI KPKT



**KEMENTERIAN
PERUMAHAN
DAN KERAJAAN
TEMPATAN**

KLUSTER PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN

PENGENALAN KPKT Nadi Pembangunan Negara	01
<hr/>	
01 Perumahan Untuk Semua	04
<hr/>	
02 Pemeriksaan Pihak Berkuasa Tempatan	16
<hr/>	
03 Mendaya Komuniti & Membentuk Generasi Mampan	24
<hr/>	
04 Memperkasa Perkhidmatan Kebombaan	32
<hr/>	
05 Pengurusan Lestari Sisa Pepejal	38
<hr/>	
06 Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan	45
<hr/>	
07 Kolaborasi Strategik	50
<hr/>	



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih meneruskan momentum kecemerlangan perkhidmatan pada tahun 2019.

Sebagaimana yang digariskan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, KPKT sentiasa memberi keutamaan untuk memenuhi keperluan asas rakyat melalui penyediaan perumahan mampu milik yang selesa, kondusif, selamat dan sejahtera melalui Dasar Perumahan Negara dan Dasar Perumahan Mampu Milik. Di samping itu, melalui Dasar Komuniti Negara, KPKT juga memberi penekanan untuk mendayakan komuniti ke arah pengamalan nilai, cara hidup serta aspek sosial yang positif.

Pada masa yang sama, Kementerian juga sedar bahawa permasalahan berkaitan kebersihan di negara ini merupakan perkara yang serius dan perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak. KPKT telah mengenal pasti bahawa pengurusan sisa buangan (*waste disposal*) yang efisien mampu merangsang kitaran ekonomi yang baharu (*circular economy*) menerusi industri kitar semula. Hala tuju dan tindakan yang jelas berkaitan cabaran ini telah pun ditetapkan melalui Dasar Kebersihan Negara.

Bagi melengkapkan dasar-dasar tersebut, inisiatif pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), inisiatif baik pulih perumahan, Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar, usaha peningkatan penyampaian perkhidmatan serta kolaborasi strategik turut dilaksanakan untuk meringankan bebanan rakyat. Kementerian turut mendekati rakyat melalui teknologi dengan membangunkan aplikasi-aplikasi bagi memudahkan rakyat mencapai perkhidmatan serta menyalurkan masalah-masalah yang dihadapi secara lebih sistematik dan pantas.

Saya amat berharap agar segala usaha bagi mendekati dan menjiwai denyut nadi rakyat ini dapat disambut baik dan diperkukuhkan lagi dari semasa ke semasa, selari dengan visi KPKT "Meneraju Kemakmuran Komuniti Bandar Dan Persekitaran Maman"

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berperanan sebagai peneraju utama yang mendepani cabaran program perumahan negara bagi menyediakan perumahan mampu milik yang berdaya huni, komprehensif dan dinamik.

KPKT juga berhadapan dengan cabaran dalam membangunkan komuniti yang bersedia untuk memenuhi tuntutan yang digariskan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Berpaksikan kepada 2 cabaran tersebut, Kementerian mengambil pelbagai inisiatif yang merangkumi aspek perumahan, pembangunan komuniti, pengurusan sisa pepejal, serta peningkatan penyampaian perkhidmatan melalui pemerkasaan perkhidmatan kebombaian dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Saya amat berharap misi KPKT untuk merealisasikan kemakmuran bersama dapat dizahirkan melalui inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan tersebut. Tinggilah harapan saya agar KPKT dapat terus melakar kejayaan secara berterusan pada tahun-tahun yang mendatang.

**YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah
Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah**

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berjaya merealisasikan pelbagai inisiatif sepanjang tahun 2019 yang memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat.

Inisiatif Kementerian dirangkumi dalam 7 kluster yang meliputi sektor perumahan, pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mendaya komuniti, memperkasa perkhidmatan kebommbaan, pengurusan sisa pepejal, peningkatan penyampaian perkhidmatan dan kolaborasi strategik. Inisiatif dan program yang dilaksanakan di bawah setiap kluster ini menyumbang kepada peningkatan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat.

Sebagai Ketua Setiausaha KPKT, saya amat berbangga dengan semua pencapaian yang diketengahkan melalui laporan ini dan menzahirkan kesyukuran bahawa kesemua kejayaan ini adalah hasil daripada kerjasama erat dan penggabungan sinergi usaha semua warga KPKT dan jabatan-jabatan di bawahnya yang sentiasa memberikan yang terbaik kepada rakyat.

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



**Merealisasikan Kemakmuran
Bersama Melalui Perumahan
Yang Berdaya Huni, Perkhidmatan
Perbandaran yang Mampan dan
Perkhidmatan Kebombaan Yang
Efektif Justeru Meningkatkan
Kualiti Hidup Rakyat**

MISI KPKT



KPKT NADI PEMBANGUNAN NEGARA

KPKT komited dalam memacu nadi pembangunan negara sejajar dengan 17 agenda Pembangunan Lestari (SDG) 2030 dan dalam masa yang sama turut mendukung Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030. Pelbagai usaha telah dirangka untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

Mengambil kira percaturan sedemikian, KPKT komited menyokong segala agenda dan hasrat kerajaan melalui bidang-bidang kuasa yang merangkumi pelbagai aspek seperti perumahan mampu milik, pihak berkuasa tempatan, perkhidmatan kebombaan, pengurusan sisa pepejal, perkhidmatan perbandaran serta pembangunan komuniti.

Justeru, sejajar dengan slogan SDG 2030 “Tiada Yang Terpinggir”, KPKT akan sentiasa memastikan agar inisiatif dan dasar yang digubal adalah bertepatan dan sentiasa menjaga kepentingan rakyat.

Semua inisiatif dan pendekatan yang dilaksanakan oleh KPKT telah dizahirkan menerusi laporan pencapaian KPKT 2019 ini.



TITIK SENTUHAN KPKT 2019

PELANCARAN 4 DASAR

- 1** DASAR PERUMAHAN NEGARA 2018 - 2025
- 2** DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA
- 3** DASAR KOMUNITI NEGARA 2019 - 2030
- 4** DASAR KEBERSIHAN NEGARA 2020 - 2030

PERUMAHAN UNTUK SEMUA

3,701 UNIT rumah PPR telah disiapkan bagi kumpulan sasar B40 sepanjang 2019 melibatkan 7 projek dengan kos sebanyak RM 639.6 juta.

4,577 UNIT unit rumah untuk penjawat awam telah siap yang melibatkan subsidi dari kerajaan sebanyak RM 256.1 juta.

29,461 UNIT rumah telah terjual dengan nilai RM17.986 bilion bagi kedua-dua kempen *Home Ownership Campaign (HOC)*.



1,469 UNIT rumah telah dibaik pulih di bawah Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 20.42 juta.

RM32 JUTA telah dibelanjakan melalui Inisiatif TPPM dan PPP yang melibatkan 43 buah projek dan 80,000 penduduk di perumahan berstrata mendapat manfaat.

PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

SISTEM OSC 3.0 PLUS ONLINE berjaya memendekkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang sehingga 80% di 10 buah PBT rintis.

RM835 JUTA telah disumbangkan kepada PBT bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

RM529 JUTA diperuntukkan bagi projek pembangunan di kawasan PBT.



488 PROJEK bernilai RM 41.6 juta telah dilaksanakan untuk pembangunan dan infrastruktur sosioekonomi Kampung Baru.

NAIK TARAF 5 PBT

3 PBT dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya.
2 PBT dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran.

BANDAR PINTAR

Pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia pada 23 September 2019

Projek-projek Bandar Pintar sedang dilaksanakan di 5 Bandar Rintis

PENARAFAN BINTANG

10% tandas awam milik PBT mendapat 5 bintang, 24% mendapat bintang dan selebihnya mendapat 3 bintang.

119 dari 151 PBT di seluruh negara telah menerima penarafan 4 bintang dan ke atas

MENDAYA KOMUNITI & MEMBENTUK GENERASI MAMPAN

18 PEJABAT SEKRETARIAT MUAFAKAT KOMUNITI telah berjaya ditubuhkan di seluruh negara.

1,080 peserta terlibat dalam Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 9.98 juta.

1.15 TAN sisa pepejal berjaya dikumpul melalui 6 Program Eko Komuniti #TrashtoCash dengan penglibatan seramai 4,360 peserta.

MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN KEBOMBAAN

53.12% bagi *response time* ke tempat kecemasan dalam tempoh 10 minit.

187 PASUKAN BOMBA KOMUNITI telah ditubuhkan diseluruh negara dengan keahlian seramai 2,402 orang

RM48.03 BILION anggaran nilai harta benda yang diselamatkan akibat kebakaran.

1,052 pelajar terlibat dalam pelaksanaan Modul Kesedaran Asas Keselamatan Aktiviti di Air.

PENGURUSAN LESTARI SISA PEPEJAL

337 hotspot sampah haram telah berjaya ditutup dan 33 kes pendakwaan sampah haram dengan nilai denda RM 389 ribu.

28.06% Kadar Kitar Semula Kebangsaan berjaya dicapai pada 2019 berbanding sasaran awal 27%.

5.7 JUTA KG barangan kitar semula yang berjaya dikumpul dengan nilai RM 1.8 Juta menerusi Bank Kitar Semula

PENINGKATAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

2,229 kes Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) berjaya diselesaikan mengikut KPI dalam tempoh 110 hari bekerja.

4,454 kes Tribunal Pengurusan Strata (TPS) telah diselesaikan mengikut KPI dalam tempoh 150 hari bekerja.

RM29,559 jumlah rampasan hasil dari operasi melibatkan 5 premis syarikat Pemegang Pajak Gadai Haram.

KOLABORASI STRATEGIK

PENGURANGAN KADAR FAEDAH untuk pinjaman pembelian rumah melalui program-program berikut:

Skim Pembiayaan Kewangan Fleksi

Skim Pembiayaan Dana Rumah Mampu Milik Bank Negara Malaysia

Skim Rumah Pertamaku

MEMORANDUM KERJASAMA antara Malaysia dengan Kementerian Alam Sekitar Jepun dalam bidang pengurusan sisa pepejal.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN antara Malaysia dan Kementerian Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan (MOLIT) Republik Korea bagi kerjasama dalam Bidang Pembangunan Bandar Pintar.

ASIA PACIFIC URBAN FORUM 7 (APUF7) telah diadakan pada 16 hingga 17 Oktober 2019. Forum perbandaran ini telah dihadiri seramai 9,500 peserta dari 65 buah negara



01.

PERUMAHAN UNTUK SEMUA

Pelancaran Dasar Perumahan

Penganjuran Kempen Pemilikan Rumah

Penyediaan 1 Juta Rumah Mampu Milik

Inisiatif Pembiayaan Perumahan

Inisiatif Baik Pulih Perumahan

Inisiatif Rumah Terbengkalai

Tadbir Urus Sektor Perumahan



PERUMAHAN UNTUK SEMUA

Pembangunan sektor perumahan merupakan agenda utama KPKT. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dalam memastikan objektif pembangunan sektor perumahan yang sempurna dan lebih teratur untuk dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat dapat dicapai.

PELANCARAN DASAR PERUMAHAN

DASAR PERUMAHAN NEGARA 2018-2025

01

Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 merupakan dasar utama yang akan dirujuk untuk memandu arah serta memacu sektor perumahan negara dengan memfokus perancangan dan pengurusan perumahan yang sistematik dan cekap bagi menjana habitat yang mampan, berdaya huni, berkualiti dan inklusif serta mampu dimiliki oleh rakyat.

DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA

02

Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DPMM) merupakan dasar yang dibangunkan bagi menggariskan standard, spesifikasi, harga serta panduan bagi pembangunan rumah mampu milik sama ada yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta bagi mengatasi isu-isu berkaitan perumahan mampu milik.



Imbas Kod QR
untuk memuat
turun DRN



Imbas Kod QR
untuk memuat
turun DRMM



PENETAPAN HARGA RUMAH

Harga rumah mampu milik ditetapkan pada dua kategori iaitu RM 150,000 ke bawah dan RM 150,001 hingga RM 300,000 mengikut median lokasi harga rumah di negeri.



PENETAPAN SAIZ RUMAH

Keluasan minimum rumah mampu milik ditetapkan pada 900 kaki persegi untuk keselesaan penghuni.



Pelancaran Dasar Perumahan Negara
pada 28 Januari 2019



Pelancaran Dasar Rumah Mampu Milik
pada 11 Mei 2019



Pelancaran Dana Rumah Mampu Milik
pada 29 Januari 2019

PENGANJURAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH

Kempen pemilikan rumah dianjurkan dengan objektif untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia dan mengurangkan isu/unit hartanah yang tidak terjual (*overhang*).



Home Ownership Campaign 300 Affordable Homes untuk rumah yang RM 300 ribu ke bawah



Home Ownership Campaign untuk rumah berharga melebihi RM 300 ribu sehingga RM 2.5 Juta.

Sebanyak 29,461 unit telah terjual dengan nilai RM 17.986 bilion bagi kedua-dua penganjuran HOC sehingga November 2019. Melalui HOC, pembeli rumah berpeluang mendapat pengecualian duti setem.

RM286,729,000

nilai jualan bagi 1,638 unit rumah melalui HOC 300.

RM17.7 Bilion

nilai jualan bagi 27,823 unit rumah melalui HOC 2019.



SPNB

1,469

Rumah Mesra Rakyat berjaya dibina.

1,977

Rumah Mampu Milik SPNB berjaya dibina.


PRIMA

RM2.0 Bilion


atau 9,306 unit jualan telah dicatatkan oleh PRIMA sepanjang 2019.

Kempen Pemilikan Rumah di bawah KPKT telah mendapat sambutan yang menggalakkan sejak ia dilancarkan pada 1 Januari hingga 31 Disember 2019


PENYEDIAAN 1 JUTA RUMAH MAMPU MILIK BAGI TEMPOH SEPULUH TAHUN (JULAI 2018 - 2028)



Manifesto Pakatan Harapan mensasarkan penyediaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) dalam tempoh 10 tahun (2018-2028). Berikut adalah status pelaksanaan projek perumahan mampu milik di seluruh negara dari Julai 2018 sehingga 31 Disember 2019:



Bagi Agensi / Program di bawah KPKT, status pencapaian pada tahun 2019 adalah sebanyak 172,018 unit rumah merangkumi 14,299 unit rumah siap, 73,715 unit rumah sedang dibina dan 84,004 unit rumah dalam perancangan.



SPNB : Syarikat Perumahan Negara Berhad
PPAM : Program Perumahan Penjawat Awam

PRIMA : Perbadanan PRIMA Malaysia
PPR : Projek Perumahan Rakyat

Standard Perumahan

Memiliki Ciri-Ciri Asas	Berkualiti
Mampan	Berdaya Huni
Inklusif	Mampu Milik

Kemudahan Yang Disediakan

-  Tadika/Taska

-  Surau & Bilik Pengurusan Jenazah

-  Taman Permainan

-  Dewan Serbaguna

-  Tempat Letak Kereta

-  Bilik Pengurusan Mayat (Non-Muslim)

INISIATIF PEMBIAYAAN PERUMAHAN

Inisiatif ini membantu individu yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan dana untuk membeli rumah.

Skim Perumahan Mampu Milik Swasta

Menawarkan insentif sebanyak RM 30,000 seunit rumah yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah pertama dan pemaju-pemaju swasta. Sehingga Disember 2019, sebanyak RM 21 Juta telah berjaya disalurkan yang melibatkan 700 unit rumah.

FundMyHome - Depositku

Bertujuan untuk membantu pembeli rumah pertama memiliki rumah melalui pembayaran deposit 20% yang mana 10% daripada deposit tersebut merupakan pembiayaan daripada pihak Kerajaan manakala baki 80% dibiayai oleh pelabur (*crowd funding*) dan pemohon dikecualikan daripada bayaran balik pembiayaan sehingga tahun kelima. Sehingga 31 Disember 2019, seramai 24 orang penerima dengan jumlah keseluruhan bayaran sebanyak RM 720,000.00 telah mendapat manfaat daripada program ini.

RM720 Ribu

telah dibayar sebagai deposit kepada 24 orang penerima *FundMyHome-Depositku*.

Rent To Own

Rent to Own (RTO) diperkenalkan untuk membantu pemohon atau bakal pembeli rumah PPR yang tidak layak menerima pembiayaan perumahan daripada institusi kewangan.

Sebanyak 14 projek RTO telah dilaksanakan di 6 buah negeri:

	Kuala Lumpur	1 Projek
	Negeri Sembilan	2 Projek
	Selangor	2 Projek
	Kelantan	3 Projek
	Kedah	5 Projek
	Pulau Pinang	1 Projek

14 Projek

RTO telah berjaya dilaksanakan di 6 buah negeri dengan bilangan unit sebanyak 6,109 buah

RM30 Ribu

subsidi dari kerajaan untuk pembelian rumah pertama di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta

RM21 Juta

berjaya disalurkan melalui insentif Skim Perumahan Mampu Milik Swasta



1



2

1 **Penerima Skim FundMyHome - Depositku bergambar semasa pelancaran skim tersebut pada 20 Februari 2019.**

2 **Majlis Pra-Pelancaran Skim Mampu Milik Rumah Swasta pada 8 November 2019 disertai oleh 11 buah syarikat pemaju perumahan swasta dan 1 anak syarikat negeri melibatkan 15 projek di seluruh negara.**

INISIATIF BAIK PULIH PERUMAHAN

Projek Rumah Sejahtera

Membina rumah baharu bagi menggantikan rumah usang atau terbakar sebanyak 45 unit bagi golongan B40 di bandar dengan kos peruntukan sebanyak RM 2 juta.

Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar

Membantu membaik pulih rumah daif sebanyak 1,469 unit bagi golongan B40 di bandar dengan peruntukan sebanyak RM 20.5 juta.

Sebelum



Selepas



Pelaksanaan projek rumah sejahtera untuk Puan Siti Kamsina Bahrudin di Kampung Pasir Putih Asli, Tawau, Sabah dengan kos projek sebanyak RM 50 ribu.

TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM)

TPPM merupakan sebuah program membaik pulih dan menyelenggara harta bersama rumah berstrata kos rendah dan sederhana rendah swasta.

Bertujuan menyediakan kediaman yang selesa dan berkualiti.

Membantu pihak pengurusan *Joint Management Body (JMB) / Management Corporation (MC)* menyediakan peruntukan untuk membaik pulih dan menyelenggara perumahan berstrata.

PROGRAM PENYELENGGARAAN PERUMAHAN (PPP)

Merupakan program membaiki perumahan kos rendah awam.

Program PPP menasaskan pihak pengurusan perumahan kos rendah awam berstrata iaitu Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan.



RM32 Juta

telah dibelanjakan melalui inisiatif TPPM dan PPP yang melibatkan 43 buah projek



80,000

penduduk di perumahan berstrata menerima manfaat.

INISIATIF RUMAH TERBENGKALAI

Inisiatif rumah terbengkalai diambil bagi membela nasib pembeli rumah yang mana rumah yang dibeli mereka tidak dapat disiapkan seperti yang dirancang.






Bagi meringankan beban pembeli, Kementerian mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan terbengkalai kepada pembiaya kewangan bagi membolehkan pembeli mendapatkan pengstruktur semula pinjaman atau pengurangan kadar faedah.

Pemulihan atau penyelesaian projek dilaksanakan dengan persetujuan para pembeli rumah melalui peranan pemaju penyelamat yang berkeupayaan dan berpengalaman atau pelikuidasi yang telah dilantik oleh pihak mahkamah.

Pemulihan projek perumahan terbengkalai kategori kos rendah dan sederhana rendah dilaksanakan dengan melantik kontraktor penyelamat menggunakan peruntukan pembangunan yang telah diluluskan.

Status Projek Terbengkalai Januari - November 2019



- Dalam Perancangan
- Sedang Dipulih
- Siap Dipulih

2,325 unit rumah terbengkalai telah berjaya disiapkan

4,356 unit rumah terbengkalai dalam tindakan pemulihan

2,061 pembeli memperoleh manfaat dari projek yang dipulihkan

TADBIR URUS SEKTOR PERUMAHAN

Memperkemas tadbir urus sektor perumahan bagi memastikan sektor ini dapat memberi hala tuju yang lebih baik dalam usaha penyediaan jumlah kediaman yang mencukupi, mempunyai kualiti yang baik dan berkeupayaan dimiliki oleh kebanyakan rakyat Malaysia.



Rasionalisasi Agensi

Rasionalisasi agensi perumahan dengan meletakkan PR1MA, SPNB dan PPAM di bawah KPKT.



Big Data Analytic

Pembangunan *Big Data Analytics (BDA)* perumahan untuk analisis perumahan yang lebih menyeluruh dan tepat.



Pensijilan QLASSIC

Projek perumahan baharu wajib mendapatkan Sijil Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan Bangunan (QLASSIC).



Penubuhan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara

Dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menangani isu berkaitan perumahan



Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) 2019 telah berlangsung pada 8 Januari 2019



Harga Rumah Berpatutan

Rumah pada harga berpatutan berdasarkan lokasi dan pendapatan pembeli.



Penggubalan Akta

Pelaksanaan kajian dan gubalan Akta Sewaan Kediaman.

Ciri-Ciri Asas Rumah Mampu Milik

Ciri Utama

Keluasan Rumah	900 kps
Tempat Letak Kereta	1 - 2 Unit Kenderaan
Pensijilan	QLASSIC

Kepadatan Pembangunan

Strata	120 unit/ekar bagi kawasan bandar
	150 Unit/ekar bagi kawasan TOD
Teres Setingkat	15 unit/ekar

Kemudahan Awam

Tadika / Taska
Surau dan Bilik Pengurusan Jenazah
Taman Permainan
Dewan Serbaguna
Bilik Pengurusan Mayat (Bukan Islam) Berdasarkan Nisbah Populasi

Teknologi Pembinaan

IBS dan BIM
Universal Design
QLASSIC
Pengurusan Sisa Pepejal (Sistem <i>Chute</i>)
Sistem Tenaga Suria
<i>Wireless Local Area Network (WLAN)</i>
<i>Extended Rooms / Dual Keys</i>
Sistem Pengurusan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)



**Pembangunan
Rumah Mampu Milik
Dalam Projek Bandar Malaysia**

10,000 Unit rumah mampu milik akan dibina dalam kawasan Bandar Malaysia bagi memastikan golongan B40 dan M40 turut berpeluang memiliki kediaman berdekatan kawasan bandar dan pengangkutan awam (*Transit Oriented Development*).

02.

PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Peningkatan Sistem Penyampaian PBT

Kempen-Kempen PBT Sepanjang 2019

Projek Pembangunan Di Kawasan PBT

Perundangan dan Garis Panduan

Bandar Pintar Malaysia



PBT PERKASA RAKYAT SEJAHTERA

KPKT sentiasa komited dalam mempertingkatkan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar rakyat dapat menikmati pembangunan yang mampan di kawasan mereka. Pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan oleh KPKT sebagai langkah proaktif memperkasakan PBT sepanjang tahun 2019.

PENINGKATAN SISTEM PENYAMPAIAN PBT

Bantuan Kewangan Kepada PBT

RM 835 juta bantuan kewangan telah disumbangkan kepada PBT iaitu:

Sumbangan membantu kadar : **RM 380 juta**

Geran tahunan : **RM 302 juta**

Bayaran bil elektrik : **RM 153 juta**

RM 529 juta untuk projek pembangunan di kawasan PBT

OSC 3.0 Plus Online

Berjaya memendekkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang sehingga 80% di 10 PBT rintis.

Live Streaming

Mesyuarat Penuh PBT secara *live streaming* telah berlangsung sebanyak 81 siaran dalam usaha meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran PBT.

Audit PBT

Auditan kemudahan di PBT yang merangkumi CCTV, audit kemudahan OKU, cerun dan jalan telah dilaksanakan sebanyak 30 kali.

KEMPEN-KEMPEN PBT SEPANJANG 2019



Kebersihan Tandas

Keseluruhan tandas Kementerian/ Jabatan/Agensi di Putrajaya mencapai 4 bintang dan ke atas.



Gotong Royong Mega

Kempen Gotong Royong Mega Basmi Denggi melibatkan 9 PBT di Selangor dan 1 PBT di Kelantan.



Bazar Ramadhan

Kempen Kebersihan Bazar Ramadhan melibatkan 60 PBT.



Kebersihan Premis Makan

Kempen Kebersihan Premis Makanan di 8 lokasi pelancongan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.



Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan

Penilaian ini bertujuan untuk mewujudkan budaya kecemerlangan berteraskan prestasi melalui persaingan sihat dalam kalangan PBT. 333 indikator sedia ada diguna pakai dalam Sistem Penarafan Bintang PBT yang mana sebahagian indikator penilaian adalah selaras dengan 17 matlamat *Sustainable Development Goal (SDG) 2030*.



Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa 16 September 2019.

119 PBT

dari 155 PBT telah menerima penarafan 4 Bintang dan ke atas di seluruh negara.

11.26% PENINGKATAN

Peningkatan sebanyak 11.26 % berbanding tahun sebelumnya.

Naik Taraf Pihak Berkuasa Tempatan

5 buah PBT berjaya dinaik taraf melalui kelulusan Jemaah Menteri iaitu:

PBT	Naik Taraf	Tarikh Naik taraf
Majlis Perbandaran Kuantan	Majlis Bandaraya Kuantan	8 Mei 2019
Majlis Perbandaran Seberang Perai	Majlis Bandaraya Seberang Perai	8 Mei 2019
Majlis Perbandaran Subang Jaya	Majlis Bandaraya Subang Jaya	6 Disember 2019
Majlis Daerah Kuala Langat	Majlis Perbandaran Kuala Langat	18 Oktober 2019
PBT Pengerang	Majlis Perbandaran Pengerang	8 November 2019

Program Latihan Pengurusan PBT-iKPKT

KPKT komited untuk meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan PBT melalui latihan dalam perkhidmatan secara berterusan. Bagi memenuhi tujuan tersebut I-KPKT telah membangunkan modul serta menyediakan latihan berkaitan dalam perkhidmatan utama Pihak Berkuasa Tempatan.

<i>Pusat Pengajian Pengurusan Landskap</i>	413
<i>Pusat Perancangan bandar dan Urbanisasi</i>	416
<i>Pusat Pengajian Undang-Undang</i>	179
<i>Pusat Pengajian Pengurusan Sisa Pepejal</i>	322
<i>Pusat Pengajian Perumahan</i>	399
<i>Pusat Pengurusan Kerajaan Tempatan</i>	322

2,051 PESERTA

<i>Pusat Pengajian Pengurusan Landskap</i>	18
<i>Pusat Perancangan bandar dan Urbanisasi</i>	11
<i>Pusat Pengajian Undang-Undang</i>	12
<i>Pusat Pengajian Pengurusan Sisa Pepejal</i>	6
<i>Pusat Pengajian Perumahan</i>	12
<i>Pusat Pengurusan Kerajaan Tempatan</i>	12

71 KURSUS



Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Malaysia

Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Malaysia disambut pada 26 Januari 2019 yang lalu di Stadium Indra Mulia, Ipoh, Perak sebagai satu tanda peringatan kepentingan kebersihan tandas dalam kehidupan manusia di samping menanam semangat cintakan tandas.

Sambutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat menyelenggara tandas supaya sentiasa berada dalam keadaan baik.

RM529 JUTA PROJEK PEMBANGUNAN DI KAWASAN PBT

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu dan memajukan PBT melalui proses pembangunan fizikal dan sosioekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Keadaan ini akan dapat dicapai melalui penyediaan perkhidmatan yang bermutu tinggi, kemudahan sosial, rekreasi dan peluang ekonomi yang seimbang selaras dengan proses pembangunan negara dan juga

matlamat penyusunan semula Pihak Berkuasa Tempatan. Di samping itu, pelaksanaan projek di bawah Butiran Projek 1 (BP.1) terutama di bawah program sosioekonomi adalah juga bertujuan untuk menambah pendapatan kewangan dan menjadi sebahagian daripada aset kepada PBT berkenaan.

PROJEK INFRASTRUKTUR

4,474 PROJEK
RM193 JUTA

Membina dan menaik taraf jalan, parit dan longkang, lorong, laluan pejalan kaki serta lampu-lampu jalan dan simpang.

KEMUDAHAN AWAM

1,081 PROJEK
RM105 JUTA

Membina dan menaik taraf dewan serbaguna, dewan orang ramai, balai raya, stesen bas dan teksi dan kemudahan awam lain.

PROJEK SOSIO-EKONOMI

458 PROJEK
RM64 JUTA

Membina dan menaik taraf arked, bazar, medan selera, tapak pasar tani, dan kompleks perniagaan dan lain-lain yang berkaitan.

PEMASANGAN CCTV

968 UNIT
RM112 JUTA

968 unit CCTV bernilai RM112 juta telah dipasang di seluruh Malaysia.

PROJEK LAMPU LED

642 PROJEK
RM55 JUTA

642 projek lampu LED telah berjaya dipasang dengan kos sebanyak RM 55 juta.

Konvensyen Pemerkasaan Kampung Baru

Konvensyen Pemerkasaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru telah berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 27-28 April 2018. YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, telah menyempurnakan majlis penutup pada 28 April 2019.

Konvensyen ini telah menghimpunkan hampir 1,000 orang pengerusi dan setiausaha MPKK Kampung Baru dari seluruh negara yang diadakan selaras dengan hasrat KPKT untuk memperkasakan peranan dan tanggungjawab MPKK dalam pentadbiran dan pembangunan Kampung Baru di seluruh negara.



488 PROJEK BERNILAI RM41.6 JUTA

dilaksanakan untuk Pembangunan dan Infrastruktur Sosioekonomi Kampung Baru.

RM9.4 JUTA

Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru memanfaatkan seramai 280 peminjam bernilai RM9.4 juta.

262 UNIT

Program Baik Pulih Rumah Kampung Baru sebanyak 262 unit kepada golongan B40.

Konvensyen Pemerkasaan PBT

Objektif penganjuran Konvensyen Pemerkasaan PBT ialah untuk mendengar aspirasi Kerajaan, bertukar pandangan serta menyumbang idea ke arah menjadikan perkhidmatan PBT lebih dinamik dan berdaya saing.

Konvensyen kali kedua yang berlangsung pada 14 Oktober 2019 telah berjaya menghimpunkan lebih 2,000 orang peserta yang terdiri daripada Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli Majlis daripada PBT seluruh negara.



2,000

Lebih dari 2,000 kehadiran dicatatkan pada Konvensyen Pemerkasaan PBT kali kedua yang dianjurkan pada 14 Oktober 2019 di Pusat Konvensyen SETIA Spice, Pulau Pinang.

PERUNDANGAN & GARIS PANDUAN

Akta Baharu Yang Diwartakan Pada Tahun 2019

Pewartaan kuat kuasa Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2019 [Akta A 1588] adalah pada 27 Disember 2019 bagi Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Wilayah Persekutuan.

Garis Panduan

5 garis panduan telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri sepanjang tahun 2019 iaitu:

Kolam Renang

Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang di Kawasan PBT diwujudkan bagi membantu pihak PBT dan pihak-pihak yang berkaitan berhubung aspek pengurusan kolam renang bagi mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan awam.



Pasar Niaga

Garis panduan Pasar Malam/Pasar Harian/Pasar Tani di Kawasan PBT berfungsi sebagai panduan kepada PBN, PBT dan pihak berkaitan dalam merancang, mengawal dan menguruskan aktiviti pasar malam, pasar harian dan pasar tani.



Kenderaan Terbiar

Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar di Kawasan Operasi PBT diwujudkan untuk membantu PBT dalam mengurus dan menguat kuasa kenderaan terbiar dengan lebih cekap dan cepat tanpa melibatkan sebarang isu yang berkaitan dengan perundangan.

Pengurusan Premis Cucian Kenderaan

Garis Panduan Pengurusan Premis Cucian Kenderaan Di PBT membantu PBT dan pihak berkaitan berhubung aspek-aspek pengurusan premis cucian kenderaan di kawasan PBT untuk menyeragamkan syarat-syarat lesen sedia ada perniagaan cucian kenderaan.

Kawalan Nyamuk

Garis Panduan Kawalan Nyamuk di PBT membantu pihak PBT dan pihak berkaitan dalam mengurus, mencegah dan mengawal pembiakan nyamuk. Aktiviti mencegah, mengawal, penguatkuasaan dan perundangan diseragamkan di semua PBT.

BANDAR PINTAR MALAYSIA

Di antara agenda utama dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) adalah membangunkan bandar-bandar di Malaysia sebagai bandar pintar. Ini adalah selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mewujudkan bandar pintar yang diintegrasikan dengan teknologi mampan dalam perkhidmatan bandar yang akan menambah baik keselamatan awam dan meningkatkan kualiti hidup rakyat negara ini.

Justeru, KPKT telah memperkenalkan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 September 2019. Rangka Kerja yang komprehensif ini merangkumi kesemua tiga peringkat kerajaan dan pembabitian penglibatan sektor swasta dalam pembangunan bandar pintar di Malaysia.

7 KOMPONEN UTAMA BANDAR PINTAR MALAYSIA

01	EKONOMI PINTAR
02	KEHIDUPAN PINTAR
03	PERSEKITARAN PINTAR
04	MASYARAKAT PINTAR
05	KERAJAAN PINTAR
06	PENGANGKUTAN PINTAR
07	INFRASTRUKTUR DIGITAL PINTAR



Imbas Kod QR untuk muat turun *Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia*

5 PROJEK PERINTIS BANDAR PINTAR

Di Bawah Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia

KOTA KINABALU



- Pengurusan Air Pintar
- Sistem Pengangkutan Awam Bersepadu
- Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu
- Rumah Mampu Milik

KUALA LUMPUR



- Tong Sampah Pintar
- Observatory Bandar Kuala Lumpur
- Tiang Pintar
- Pembayaran Elektronik Bagi Aktiviti Runcit Skala Kecil

KULIM



- Meningkatkan kesalinghubungan & Internet
- Pertanian Bandar Pintar
- Data Berpusat Bagi Agensi Kerajaan

KUCHING



- Sistem Lampu Isyarat Bersepadu Pintar
- Sistem Pengurusan Banjir & Respons Bersepadu Pintar

JOHOR BAHRU



- Pengurusan Air Pintar
- Sistem Lampu Isyarat Pintar

03.

MEMBENTUK KOMUNITI & GENERASI MAMPAN

Dasar Komuniti Negara

Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti

Program Mendaya Komuniti

Program Komuniti Hab

Program Eko Komuniti

Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB)



DASAR KOMUNITI NEGARA (DKomN)

Dasar Komuniti Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 23 November 2018 bermatlamat untuk mendaya upaya komuniti di kawasan perumahan khususnya di kawasan perumahan berstrata supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyelenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama. Dasar ini juga memberi fokus untuk membangunkan komuniti secara inklusif demi mencapai kesejahteraan hidup dan mewujudkan jalinan kerjasama yang erat serta menggalakkan kehidupan yang harmoni dan selamat. Matlamat akhir dasar ini adalah untuk mewujudkan komuniti dan generasi mampan.



Dasar Komuniti Negara telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 17 Februari 2019 di Puchong, Selangor.

1

Dasar ini digubal untuk mendaya upaya komuniti di kawasan perumahan khususnya di perumahan strata supaya mempunyai rasa prihatin, kepunyaan dan bertanggungjawab terhadap harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama.

2

Memberi fokus untuk membangunkan komuniti secara inklusif demi mencapai kesejahteraan hidup.

3

Matlamat akhir dasar ini adalah untuk mewujudkan komuniti dan generasi yang mampan.



*Imbas Kod QR
untuk memuat
turun DKomN.*

Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti

Sekretariat Muafakat Komuniti merupakan badan yang ditubuhkan di setiap komuniti PPR. Sekretariat ini merupakan platform untuk memudah cara dan menjalinkan hubungan antara komuniti dengan agensi Kerajaan, swasta dan NGO. Ia juga membolehkan anggota komuniti menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi serta mengemukakan cadangan-cadangan program yang ingin dilaksanakan melalui Ketua Komuniti.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 18 buah pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti telah berjaya diwujudkan di seluruh Malaysia.

- 1 Selangor - PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya
- 2 Kelantan - PPR Kota Bharu
- 3 Kelantan - PPR Gua Musang
- 4 Melaka - PPR Tehel
- 5 Sabah - PPR Taman Seri Keramat, Putatan
- 6 Sabah - PPR Telipok Ria, Tuaran
- 7 Perak - PPR Simpang Perdana, Taiping
- 8 Perak - Rumah Pangsa Jalan Hospital, Ipoh
- 9 Pulau Pinang - PPR Taman Manggis, Georgetown
- 10 Pulau Pinang - PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth
- 11 Perlis - PPR Sena
- 12 Kedah - PPR Paya Nahu 2, Sg. Petani
- 13 Kedah - PPR Taman Dahlia, Langkawi
- 14 Pahang - PPR Sri Kemuning, Temerloh
- 15 Terengganu - PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu
- 16 Pahang - Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Pak Mahat, Kuantan
- 17 Johor - PPR Desa Mutiara, Tebrau
- 18 Negeri Sembilan - PPR Senawang (Jasmin)



Sekretariat Muafakat Komuniti dibentuk dengan objektif membantu penduduk menjadi masyarakat berdaya saing dalam pelbagai aspek merangkumi kebersihan, keselamatan, program komuniti serta penjanaan ekonomi.

Program Mendaya Komuniti



Program ini dianjurkan untuk menyokong Dasar Komuniti Negara dalam usaha membentuk masyarakat yang sepakat dalam menangani isu semasa yang menjejaskan kesejahteraan kehidupan. Program ini dirangka untuk membentuk komuniti yang lebih peka dengan isu sosial dalam masyarakat, menyemai sifat saling menghormati, menyayangi dan saling bekerjasama antara jiran tetangga. Antara program kemasyarakatan yang dianjurkan di bawah program mendaya komuniti ialah aktiviti bergotong-royong dan juga aktiviti bersukan.



**102 Program
13,937 Peserta**

Seramai 13,937 peserta terlibat dalam 102 Program Mendaya Komuniti dan kolaborasi dengan sektor awam dan juga swasta di PPR seluruh negara sepanjang 2019.



Program Mendaya Komuniti turut mendapat kerjasama baik daripada 191 rakan strategik yang terdiri daripada agensi Kerajaan, swasta dan NGO.

Antara program kolaborasi yang dijalankan adalah:

Program Kotak Cantik oleh Kolej Antarabangsa INTI Subang.

Penubuhan Tadika Perpaduan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Kelas tambahan percuma oleh Kolej INTI.

Bengkel Seni Jahitan Kreatif oleh Persatuan Seni Jahitan Kreatif.

Antara program-program lain ialah 26 Program Pendidikan termasuk penubuhan perpustakaan dan penambah baikan ruang belajar:

40 Program Sosial, Sukan dan Rekreasi.

18 Program Kebersihan dan Baik Pulih.

12 Program Keusahawanan.

18 Program Komuniti.



Program Komuniti Hab

Program Komuniti Hab merupakan inisiatif bagi menggalakkan golongan B40 membina komuniti sihat selaras dengan Dasar Komuniti Negara dan Agenda Mampan 2030.



Komuniti Hab yang dilengkapi tenaga solar berfungsi sebagai kemudahan untuk beriadah, bercucuk tanam (*Urban Farming*) dan bersantai.

Komuniti Hab ini juga bagi memastikan nilai bandar dan Komuniti Lestari dapat dicapai di peringkat komuniti.



Komuniti Hab dibina dengan mengguna kontena yang diubah suai menjadi ruang pelbagai guna yang dilengkapi dengan ruang bacaan dan perpustakaan mini.

Komuniti Hab anjuran Urbanice Malaysia memberikan penekanan khusus kepada komuniti B40 yang tinggal di kawasan bandar.



2 BUAH KOMUNITI HAB

Dua buah Komuniti Hab telah dibina iaitu di PPR Beringin dan PPR Taman Dagang.

Program Eko Komuniti #TrashtoCash

1

6 program Eko Komuniti dilaksanakan bagi menggalakkan komuniti menjaga kebersihan dan mengutamakan kesihatan.

2

Penduduk akan dididik mengenai kepentingan pengasingan sisa pepejal dan menjana pendapatan sampingan menerusi sisa pepejal yang dikitar semula.

3

Berjaya mengumpul sampah sebanyak 1.15 tan untuk dijadikan bahan kitar semula.



1.15 TAN

sampah berjaya dikumpul untuk dijadikan bahan kitar semula.

4,360

orang telah menyertai program #TrashtoCash fasa pertama.

Program Eko Komuniti #TrashtoCash membolehkan penduduk menjana pendapatan sampingan hasil daripada penebusan barangan kitar semula.

Kejayaan Pelaksanaan #TrashtoCash - Fasa Pertama

Lokasi	Sampah (KG)	Bil. Peserta	Masa (minit)
PPR Padang Hiliran, Terengganu	564	862	30
SMK Taman Kosas, Ampang	152	400	30
PPR Sri Keramat Putatan, Sabah	141	700	45
PPR Bagan Jaya, P. Pinang	28.5	721	45
Jalan Kuala Kangsar, Perak	146	750	40
PPR Desa Mutiara, Tebrau, Johor	124.5	927	25

Program Pemerksaan Ekonomi Bandar



Konvensyen Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) telah berlangsung di Pusat Konvensyen Tabung Haji Alor Setar, Kedah pada 30 September 2019 dan disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir bersama-sama YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin.

Program ini dilaksanakan bagi membantu golongan berpendapatan rendah (B40) menjana pendapatan sampingan dan membantu meningkatkan taraf hidup.

Peserta program ini adalah mereka yang berdaftar di dalam sistem e-Kasih. Seramai 1,080 peserta telah memanfaatkan peluang yang diberikan kepada mereka.

10 bidang yang ditawarkan kepada golongan B40 ialah:

Makanan & Minuman

Bakeri

Jahitan

Salon dan Spa

Perkhidmatan Dobi Dari Rumah

Landskap

Kimpalan

Asuhan Kanak-Kanak & Peruncitan

Pembaikan Barangan Elektrik

Pembaikan Barangan Elektronik



Program Komuniti Hab merupakan inisiatif bagi menggalakkan golongan B40 membina komuniti sihat selaras dengan Dasar Komuniti Negara dan Agenda Mampan 2030.

04.

MEMPERKASA PERKHIDMATAN KEBOMBAAN

Peningkatan Tahap Kecekapan Perkhidmatan Kebombaan

Pembangunan Infrastruktur & Jentera

Program Keselamatan Komuniti



PENINGKATAN TAHAP KECEKAPAN PERKHIDMATAN KEBOMBAAN



53.12% RESPONSE TIME

ke lokasi kecemasan dalam masa 10 minit.

6,485

Premis yang memiliki **Sijil Perakuan Bomba (FC)** pada 2019.



RM48.03 Bilion

Anggaran nilai harta benda yang diselamatkan akibat kebakaran.

1.5 JUTA HEKTAR

Keluasan pamadaman kebakaran terbuka yang berjaya dilakukan bagi mengurangkan risiko berlakunya jerebu yang menjejaskan kesihatan.

Kebakaran Terbuka meliputi kebakaran kebun, ladang, hutan, belukar, lalang dan pembakaran sampah.



99.96%

Punca kebakaran telah berjaya dikenal pasti.

15,593

program kesedaran awam kepada lebih dari 2.9 juta peserta.

PROGRAM	PESERTA
Ceramah	5,230
Demonstrasi	4,566
Pameran	2,053
Pengungsian Bangunan	3,546
Mock Drill	198

RM30 TAMBAHAN INSENTIF

kepada Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) dan Bayaran Insentif Pasukan Penyelamat di Air (PPDA).

14,400

Kerajaan telah meluluskan bayaran Skim Khas Perkhidmatan Bomba sebanyak RM 200 sebulan kepada 14,400 anggota bomba berkuat kuasa mulai Januari 2020.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & JENTERA



Pos Balai Bomba Atas Air (Kategori E)

Pembinaan dan pengoperasian Pos Balai Bomba Dan Penyelamat (BBP) atas air yang pertama di Kampung Air, Semporna, Sabah.



Balai Bomba Kategori E

Dibina di kawasan pedalaman selaras dengan *Key Performance Index (KPI) Response Time* ke tempat kecemasan dalam tempoh 10 minit.



Balai Bomba Rumah Panjang (Kategori E)

Pembinaan balai bomba di Sungai Asap, Sarawak.



199 Jentera & Kenderaan Baharu

Perolehan 99 unit *Rapid Intervention Motorcycle (RIM)*, 50 unit kenderaan utiliti 4x4 dan 50 unit *Volunteer Fire Rescue Vehicle (VFRV)* bagi meningkat kecekapan perkhidmatan.

PROGRAM KESELAMATAN KOMUNITI

Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti di Air

Kempen ini bertindak sebagai platform pendidikan asas keselamatan dan kesedaran mengenai bahaya aktiviti air di lokasi tumpuan ramai. Untuk tahun 2019, kempen ini telah diadakan secara serentak di 3 lokasi iaitu di Langkawi, Kedah, Kuantan, Pahang dan Bandar Penawar di Johor yang melibatkan seramai 2,800 penyertaan orang awam dan pelajar.

Statistik Kematian Akibat Lemas

2017 327 ORANG

2018 309 ORANG

2019 232 ORANG

KADAR
PENURUNAN

25%

KADAR
PENURUNAN

5%



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedang melaksanakan demonstrasi penyelamatan ketika pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti di Air di Langkawi pada 10 November 2019



Anggota Bomba sentiasa berusaha meningkatkan prestasi dari semasa ke semasa dengan melaksanakan latihan secara berterusan dalam memastikan anggota mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik apabila diperlukan.

Life Saving Appliances - LiSA

Life Saving Appliances - LiSA merupakan hasil inovasi yang bertindak sebagai agen penyelamat di mana ia mempunyai siren yang akan berbunyi untuk memberi amaran kepada pengunjung semasa berlakunya kecemasan.



3 UNIT

LiSA telah dipasang di Kedah, Pahang dan Johor.

3 PAPAN TANDA KESELAMATAN

Pemasangan papan tanda keselamatan mengikut piawaian ISO 20712.

LiSA ditempatkan di kawasan yang sering berlaku tragedi dan kemalangan melibatkan aktiviti di air. LiSA akan memberi amaran kepada pengunjung ketika kecemasan dan memaklumkan situasi tersebut kepada pasukan penyelamat.

Penggunaan Papan Tanda Seragam ISO 20712

Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) telah membeli 3 panduan berhubung penyediaan dan pemasangan papan tanda keselamatan di air iaitu ISO 20712 yang mana semua pemilik badan air dan kolam renang diminta dan digalakkan untuk mengguna pakai panduan ini.



Pelancaran Logo Majlis Keselamatan Aktiviti di Air (MKAA)

Logo MKAA telah dilancarkan oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin pada 22 Mac 2019.

Penilaian Risiko Di Kawasan Berisiko Tinggi

Penilaian risiko telah dijalankan di 15 kawasan berisiko tinggi yang telah dikenal pasti untuk pemasangan papan tanda keselamatan di air.

Projek Rintis Modul Kesedaran Asas Keselamatan Aktiviti di Air Peringkat Putrajaya

Modul Kesedaran Asas Keselamatan Aktiviti di Air merupakan inisiatif untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah berhubung dengan keselamatan ketika menjalankan aktiviti di air. Projek ini melibatkan 8 buah sekolah di Putrajaya dengan penglibatan seramai 1,052 pelajar.



187 Pasukan Bomba Komuniti

Penubuhan 187 Pasukan Bomba Komuniti di seluruh negara.

Projek Rumah Sejahtera

Sebanyak 28 projek Rumah Sejahtera dan 2 projek pembaikan rumah telah dilaksanakan di seluruh negara.

05.

PENGURUSAN LESTARI SISA PEPEJAL

Dasar Kebersihan Negara

Inisiatif Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kebersihan Awam

Waste To Energy - Jana Tenaga Diperbaharui

Inisiatif Sifar Sisa - ZeComm

Pusat Kawalan C4i





Pelancaran *Dasar Kebersihan Negara* bakal menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih, mampan dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan masyarakat.

DASAR KEBERSIHAN NEGARA 2020-2030

Dasar Kebersihan Negara telah dilancarkan pada 3 November 2019 di PPR Tehel Melaka. Pelaksanaan dasar yang bermula pada tahun 2020 sehingga 2030 ini memberi fokus kepada 5 kluster, 14 strategi dan 91 pelan tindakan. Kebersihan merupakan tanggungjawab bersama yang perlu dipupuk untuk mewujudkan persekitaran yang bersih dan lestari. Dasar kebersihan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui kerjasama erat antara masyarakat, agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta.



Imbas Kod QR
untuk memuat
turun dasar ini.

OBJEKTIF DASAR KEBERSIHAN NEGARA

01

Meningkatkan kesedaran dan membudayakan amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat

02

Meningkatkan kebersihan persekitaran dan kelestarian alam sekitar

03

Menggalakkan inisiatif sisa sebagai sumber pendapatan (*waste to money*) ke arah ekonomi kitaran (*circular economy*)

04

Memperkasakan tadbir urus dan penguatkuasaan agar lebih cekap, berkesan dan berintegriti

Kempen Berani Tegur

Let's Do It Right



Kempen Berani Tegur telah dilancarkan bersempena dengan pelancaran Dasar Kebersihan Negara pada 3 November 2019. Kempen ini dilancarkan dalam usaha membudayakan amalan kebersihan di kalangan rakyat Malaysia.




Imbas Kod QR untuk menonton Video Kempen Berani Tegur di YouTube.

Kadar Kitar Semula Kebangsaan

Kadar Kitar Semula Kebangsaan pada tahun 2019 mencatatkan 28.06%, melepasi sasaran awal 27%. Manakala jumlah barangan kitar semula pula meningkat daripada 3.36 juta tan pada tahun 2018 kepada 3.88 juta tan pada tahun 2019.

Kadar Kitar Semula Kebangsaan



PENINGKATAN 3.46%

Kadar kitar semula meningkat sebanyak 3.46% pada tahun 2019.

SASARAN 30%

ditetapkan untuk Kadar Kitar Semula Kebangsaan pada tahun 2020.

INISIATIF PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM

Syarat Baharu Berkaitan Sisa Plastik Import

18 syarat lesen import (AP) telah dikuatkuasakan bagi memperketatkan kawalan kemasukan sisa plastik import di bawah HC CODE 39.15.

Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik Import

Diwujudkan untuk mengawal selia kemasukan sisa plastik import ke dalam negara. 114 kilang plastik telah diperiksa di seluruh negara dengan kerjasama kementerian dan agensi yang berkaitan.

Pentauliahan Latihan

Pentauliahan *Solid Waste Training College* sebagai Pusat Sistem Latihan Dual Nasional.

Pusat Komuniti Lestari

Pembinaan 15 Pusat Komuniti Lestari di Kedah dan Perlis untuk sistem pengurusan bersepadu.

4,667 KONTENA

Sisa plastik import telah diperiksa.



Program Kitar Semula

Jumlah barangan kitar semula yang berjaya dipungut untuk dikitar semula:

Premis	Kitar Semula (KG)
Tadika	15,680.38
Sekolah	671,909.48
Pejabat Kerajaan	1,465,529.58
Komuniti	994,527.52
Industri	1,921,568.40



5 JUTA TAN

barangan kitar semula berjaya dikumpul melalui Program Kitar Semula.



RM1.6 JUTA

nilai barangan kitar semula berjaya dikumpul di premis-premis tersebut melalui Program Kitar Semula.



Penyampaian hadiah bagi Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan 2019 telah berlangsung bersempena dengan Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2019 dan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan di PPR Tehel Melaka pada 3 November 2019.

Program 3R

Reduce | Reuse | Recycle

Usaha Kerajaan melaksanakan beberapa program dan inisiatif sepanjang tahun 2019 menampakkan hasil apabila Kadar Kitar Semula Kebangsaan yang dicapai melebihi sasaran ditetapkan. Antara program-program yang dilaksanakan ialah:

Hari Kitar Semula Kebangsaan 2019

Program 3R *Fun Run* telah dianjurkan di PPR Tehel, Melaka pada 3 November 2019. Yuran penyertaan adalah berbentuk penghantaran barangan kitar semula.



2,000 PESERTA

Program 3R *Fun Run* telah disertai seramai 2,000 orang.



436.5 KG

Barangan kitar semula berjaya dikumpul semasa program tersebut.

Bank Kitar Semula

5.7 juta kg barang kitar semula bernilai RM 1.8 juta berjaya dikumpul melibatkan **13,065** institusi:

6,865 komuniti.

2,805 pra-sekolah/sekolah/IPT.

2,346 pasaraya/kawasan awam/industri.

1,049 pejabat kerajaan.

Pelaksanaan Modul Latihan Kelab Kitar Semula



1,111 GURU

Bengkel Modul Latihan ini disertai oleh seramai 1,111 orang guru.

Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah (PerKISS)

RM450 RIBU

1,106 sekolah menyertai pertandingan ini dengan jumlah barangan kitar semula bernilai RM 450 ribu.

Cadangan Teknologi Waste to Energy

17 cadangan teknologi WtE merangkumi kaedah *thermal* dan *non-thermal* telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan.

Penguatkuasaan Sampah Haram



852 OPERASI

penguatkuasaan sampah haram telah dijalankan.

33 KES PENDAKWAAN sampah haram dengan nilai denda RM 389 ribu.

337 HOTSPOT sampah haram telah berjaya ditutup.

Pertandingan Waste to Art

262 IDEA karya kreatif telah diterima.



58 KARYA

akhir dipamerkan di Gateway@KLIA2 dan Muzium Negara.

10,000 orang pengunjung.

Kemudahan Sisa Pepejal di Malaysia

Kategori	Jumlah
Tapak Pelupusan Sanitari	19
Tapak Pelupusan Bukan Sanitari	119
Tapak Pelupusan Tidak Beroperasi	173
Stesen Pemindahan	4
Incinerator	4

INISIATIF KOMUNITI SIFAR SISA ZeComm

ZeComm merupakan inisiatif SWCorp untuk menggalakkan komuniti menjalankan pengasingan sisa di rumah dengan sistem ganjaran secara *trash to cash*.

Lokasi ZeComm

Kelantan | PPR Kota Bharu

Melaka | PPR Tehel

Selangor | PPR Lembah Subang 2



Setiap pengumpulan dan penghantaran sisa akan mendapat ganjaran berbentuk barangan dapur dan isi rumah.

SOP ZeComm

01 | Terima Sisa Dari Penduduk

02 | Hantar Ke ZeComm

03 | Timbang Sisa

04 | Rekod Dalam Sistem

05 | Semak Mata Ganjaran

06 | Tebus Ganjaran

7.6 TAN sisa makanan dan 9.2 tan barang kitar semula berjaya dikumpul melalui inisiatif ZeComm.

Pusat Kawalan C4i

Command, Control Communication & Computer Integration



Kawal Selia

Memaksimum pemantauan kawal selia kebersihan menggunakan ruang siber dan teknologi terkini.

Laporan Siap Kerja

Laporan siap kerja terhadap jadual yang telah ditetapkan dengan 100% laporan diterima sedia untuk semakan dan bayaran.

Pemantauan Kenderaan

Memantau kenderaan kutipan sehingga 300 unit pada satu-satu masa.



RM1.976 BILION

telah dibelanjakan untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di 7 buah negeri yang menerima pakai Akta 672.

19 TAPAK PELUPUSAN

telah ditutup selamat bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar.

06.

PENINGKATAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Pembangunan Aplikasi Mudah Alih

Penjenamaan Semula PPW Berlesen kepada Kredit Komuniti Berlesen dan Nama Bahagian

Peningkatan Kecekapan Pesuruhjaya Bangunan di PBT

Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) & Tribunal Pengurusan Strata (TPS)



PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH

Sistem OSC 3.0 Plus Online



Sistem OSC 3.0 Plus Online dapat meningkatkan 80% kepantasan kelulusan Kebenaran Merancang (KM). Terdahulu, tempoh kelulusan Kebenaran Merancang mengambil masa sehingga 1,378 hari telah diselaraskan mengikut kategori iaitu:

Jenis Kebenaran Merancang (KM)	Jumlah Hari
KM Kecil	30 - 42
KM Sederhana	57 - 99
KM Besar Jenis A	300
KM Besar Jenis B	115

OSC 3.0 Plus telah dilaksanakan di 10 buah PBT rintis di seluruh negara iaitu:

1. Majlis Bandaraya Ipoh
2. Majlis Bandaraya Alor Setar
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai
4. Majlis Perbandaran Subang Jaya
5. Majlis Perbandaran Kajang
6. Majlis Perbandaran Nilai
7. Majlis Perbandaran Kuantan
8. Majlis Perbandaran Dungun
9. Majlis Perbandaran Batu Pahat
10. Majlis Daerah Rembau

80% LEBIH CEPAT

Tempoh kelulusan KM boleh dipercepatkan sehingga 80% melalui OSC3 Plus Online

3,250 aplikasi ini telah dimuat turun.



i-KrediKom

Aplikasi ini memudahkan orang ramai membuat aduan secara atas talian, carian syarikat kredit komuniti yang berlesen dan maklumat mengenai hak peminjam dan akta pinjaman wang.

- Aplikasi ini telah dilancarkan oleh YB. Menteri KPKT pada 5 April 2019

- 3,250 pengguna.



i-Gadaian

Aplikasi ini memudahkan orang ramai membuat dan menyemak aduan, carian syarikat pemegang pajak gadaai berlesen dan maklumat mengenai hak-hak pemajak. 491 pengguna

- Aplikasi ini telah dilancarkan oleh YB Menteri KPKT pada 19 Jun 2019.

- 491 pengguna.



MyWC

Aplikasi ini memudahkan orang ramai mencari tandas awam yang disenaraikan menggunakan panduan *Global Positioning System (GPS)*

Aplikasi ini telah dilancarkan oleh YB Menteri KPKT pada 12 September 2019.



i-Tegur

Aplikasi i-Tegur merupakan satu aplikasi untuk memudahkan orang awam membuat sebarang aduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan melalui telefon bimbit.



Fungsi aplikasi i-Tegur adalah seperti berikut:

Membenarkan penghantaran aduan bergambar.

Memberi maklum balas kepada pengadu dengan lebih responsif.

Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) memantau aduan PBT melalui i-Tegur.

Sebanyak 5,930 aduan telah diterima dan 3,408 (57%) telah berjaya diselesaikan.

KEROSAKAN JALAN 	RUMPUT 	LAMPU ISYARAT 	RUANG PARKIR 	TANDAS
PAPAN TANDA 	SERANGGA 	SAMPAH 	PEMBAKARAN TERBUKA 	LONGKANG

KATEGORI ADUAN

Penjenamaan Semula PPW

Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen telah dijenamakan semula sebagai Kredit Komuniti (KK) berlesen. Beberapa inisiatif dan program seperti di bawah:-

Penyelarasan penggunaan format papan tanda "Perkhidmatan Kredit Komuniti" lengkap dengan QR Code.

Kad Kuasa berwajah baharu untuk Inspektor PPW dan PPG dalam menjalankan pemeriksaan.

RM29,559

Jumlah rampasan hasil daripada 5 serbuan di premis syarikat Pemegang Pajak Gadai Haram.

Penjenamaan Semula BPWG

Penjenamaan Semula Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) kepada Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKCC) pada 5 April 2019 bertujuan memperkemas objektif dan fungsi bahagian selain memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat mengenai fungsi bahagian ini.



Format papan tanda iklan baharu Perkhidmatan Kredit Komuniti.

PENINGKATAN KECEKAPAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) DI PBT

Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT berperanan memantau dan mengawalselia tadbir urus pemaju/JMB/MC di pemajuan atau skim-skim strata bagi memastikan hak-hak pembeli / pemilik dilindungi. Sepanjang tahun 2019, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh KPKT dengan penyelarasan dan kerjasama daripada COB di peringkat PBT bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan Akta 757.

Pindaan Akta Pengurusan Strata

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) diperkenalkan dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 bagi memastikan keseragaman undang-undang dan dasar berkenaan kerajaan tempatan berhubung dengan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama.

Bagi menambah baik Akta 757, sebanyak 7 Bengkel Pindaan Akta telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 yang melibatkan agensi kerajaan, NGO, agensi swasta dan badan professional seperti JUPEM, JKPTG, HBA, SPOAS, Konsortium JMB/MC, Majlis Peguam Negara, REHDA, MIPPM, PPK, BMAM dan lain-lain.

Pelancaran Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata

(Pengkompunan Kesalahan) 2019 Di Bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

Peraturan-peraturan yang telah diwartakan pada 27 April 2019 dan dikuatkuasakan pada 2 Mei 2019 merupakan satu mekanisme pelaksanaan tindakan penguatkuasaan yang lebih efisien.

Penganjuran Program Kesedaran & Pendidikan Strata

Seminar

22 seminar Pengurusan Strata telah dianjurkan oleh COB di peringkat PBT dengan penglibatan peserta sebanyak 4,470 orang.

SEEDS

10 siri komik pengurusan strata iaitu *Strata Empowerment and Education Series* (SEEDS) telah diterbitkan untuk mendidik komuniti strata.

Bengkel Perkongsian Ilmu

anjuran KPKT bersama-sama COB melibatkan aspek penguatkuasaan, pengauditan dan teknikal iaitu Bengkel Perunding Garis Panduan Perolehan, Kursus Perakauan Forensik, Kursus Pengurusan Kewangan, Bengkel Sistem COB dan Bengkel Tindakan Penguatkuasaan Akta 757.

Intervensi KPKT Bagi Penguatkuasaan Akta 757

KPKT telah melaksanakan 24 intervensi penguatkuasaan Akta 757 yang meliputi 12 risikan jadual petak dan 12 operasi bersama COB PBT bagi sitaan harta alih, rampasan dokumen dan pemantauan Mesyuarat Agung Badan Pengurusan.

Manakala 22 intervensi teknikal telah dilaksanakan ke perumahan berstrata bagi aduan mengenai kebocoran antara tingkat, keretakan dinding dan lain-lain.



Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)

Sepanjang 2019, sebanyak 2,229 kes TTPR telah diselesaikan dalam tempoh 110 hari bekerja dari tarikh pemfailan kes seperti jadual berikut:

Tempoh	Bil. Kes	%
30 Hari	1,442	64.69
31- 60 Hari	621	27.86
61 - 90 Hari	126	5.65
91 - 110 Hari	40	1.79

2,229 kes TTPR telah diselesaikan dalam tempoh 110 hari bekerja.

RM36 Juta Nilai *award* telah diberikan kepada pembeli rumah.

Tribunal Pengurusan Strata (TPS)

Sepanjang 2019, sebanyak 4,454 kes TPS telah diselesaikan dalam tempoh 150 hari bekerja dari tarikh pemfailan kes seperti jadual berikut:

Tempoh	Bil. Kes	%
30 Hari	2,280	51.19
31- 60 Hari	1,679	37.7
61 - 90 Hari	331	7.43
91 - 120 Hari	136	3.05
121 - 150 Hari	28	0.62

4,454 kes TPS telah diselesaikan dalam tempoh 150 hari bekerja.

RM37.03 Juta nilai *award* telah diberikan kepada Pihak Yang Menuntut.

07.

KOLABORASI STRATEGIK

Kolaborasi Domestik

Kolaborasi Antarabangsa



KOLABORASI DOMESTIK

KPKT telah berkolaborasi dengan kementerian lain dan juga beberapa agensi dengan hasrat untuk meningkatkan akses pemilikan rumah di kalangan rakyat menerusi beberapa pelan dan jalinan kolaborasi strategik.

Pengurangan Kadar Faedah ke 3.5%

untuk pinjaman pembelian rumah melalui program-program berikut:

Skim Pembiayaan Kewangan Fleksi

Skim Pembiayaan Dana Rumah Mampu Milik Bank Negara Malaysia

Skim Rumah Pertamaku

Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan untuk mendapatkan pembiayaan perumahan menerusi:

Jaminan Cagamas SRP Berhad

FundMyHome-Depositku

Skim Jaminan Kredit (SKJP)



Melalui FundMyHome-Depositku pemohon hanya membayar 20% deposit dan dikecualikan daripada bayaran balik pinjaman sehingga tahun kelima

Pengurangan Harga Rumah

Bertujuan meningkatkan keupayaan pembeli dengan jaminan kewangan kepada pembeli melalui:

Diskaun Plus

Pengecualian Duti Setem

Diskaun Dari Pemaju di bawah Kempen Pemilikan Rumah (HOC)



Sambutan Hari Habitat Sedunia

Peringkat Malaysia Tahun 2019

KPKT selaku agensi peneraju bagi program-program *United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat)* di Malaysia telah menganjurkan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2019 dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka bertemakan "Transforming Waste to Wealth".



KOLABORASI ANTARABANGSA

100 Ribu Unit Rumah

Memorandum persefahaman di antara SPNB dengan syarikat-syarikat dari China bagi pembiayaan pembangunan 100 ribu unit rumah mampu milik di seluruh negara.

Malaysia Urban Forum (MUF)

MUF yang telah berlangsung di KLCC pada 18 sehingga 19 Februari 2019 telah berjaya menarik lebih 8,000 penyertaan dan berjaya menghasilkan 5 resolusi dalam bidang kewanitaan, perniagaan, Pihak Berkuasa Tempatan, belia dan akar umbi.



YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin diberi penerangan mengenai Perkhidmatan Pintar Kerajaan di Malaysia Urban Forum



YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin menandatangani MoU kerjasama strategik bersama Yang Berbahagia Puan Kim Hyun-Mee, Menteri Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan Republik Korea Selatan

Memorandum Persefahaman

2 buah projek dalam pelaksanaan di bawah MoU Malaysia-MOLIT, Republik Korea bagi kerjasama dalam bidang pembangunan bandar pintar ialah Pengurusan Air Pintar dan Pembangunan Bandar Pintar di Kota Kinabalu, Sabah.

ASEAN Smart Cities Network (ASCN)

KPKT sebagai focal point dan National Representative Malaysia kepada ASCN.

Senarai Kunjungan Hormat 2019

Diterima YB Menteri KPKT

1. **H.E Kim Hyun Mee**
Menteri Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan Republik Korea | 12 Mac 2019

2. **Mr.Alessandro Profumo**
CEO Leornado, Itali | 3 Julai 2019

3. **HE Puan Gunn Jorid Roset**
Duta Besar Norway ke Malaysia | 14 Ogos 2019

4. **TYT Andrew Goledzinowski**
Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia | 3 Sept. 2019

5. **Dato' Seri Maimunah binti Mohd Sharif**
Pengarah Eksekutif United Nation Human Settlements Programme | 14 Oktober 2019

6. **TYT Josaia Voreqe Bainimarama**
Perdana Menteri Republik Fiji | 15 Oktober 2019

7. **Dr. Greg Munro**
Setiausaha Agung Commonwealth Local Government Forum | 15 Oktober 2019

8. **Madam Armida Salsiah Alisjahbana**
Setiausaha Eksekutif UNESCAPE | 15 Oktober 2019

9. **PYT Marzieh Afkham**
Duta Besar Iran ke Malaysia | 8 November 2019



Memorandum kerjasama antara kerajaan malaysia dengan kementerian Alam Sekitar Jepun dalam bidang pengurusan sisa pepejal termasuk Teknologi WtE telah ditandatangani pada 5 September 2019



Asia Pacific Urban Forum 7 (APUF7)

APUF7 yang berlangsung di Pusat Konvensyen SETIA Spice, Pulau Pinang pada 15 sehingga 17 Oktober 2019 telah berjaya mengumpul 9,500 penyertaan daripada 60 buah negara.



YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin hadir ke Majlis Perasmian 7th Asia-Pacific Urban Forum yang turut menyaksikan pelancaran buku "The Future of Asian & Pacific Cities".

9,500

APUF7 berjaya mengumpul 9,500 penyertaan daripada 60 buah negara

Saya amat berharap agar segala usaha bagi mendekati dan menjiwai denyut nadi rakyat ini dapat disambut baik dan diperkukuhkan lagi dari semasa ke semasa, selari dengan visi KPKT;

Meneraju Kemakmuran Komuniti Bandar Dan Persekitaran Mampan

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

MENJADI HARAPAN BUAT SAYA,
SUPAYA SEMUA GOLONGAN
TERMASUK YANG KURANG
BERKEMAMPUAN
**UNTUK BERPELUANG MEMILIKI
KEDIAMAN SELESA, BERSIH,
SELAMAT, SIHAT DAN SEJAHTERA**

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin
Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

No.51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya, Malaysia

Tel : 603 - 8000 8000
Faks : 603 - 8891 3182